

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peranan Kementerian bagi menjayakan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP).

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 dan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pengendalian Aerodrom) 2016, semua permohonan untuk menubuhkan suatu aerodrom di Malaysia termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) perlu dikemukakan kepada YB Menteri Pengangkutan untuk pertimbangan dan kelulusan. Setelah mendapat kelulusan tersebut, pemohon perlu mendapatkan Sijil Perakuan Aerodrom dan Lesen Pengendali Aerodrom masing-masing daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia bagi membolehkan aerodrom atau lapangan terbang tersebut beroperasi dan digunakan.

2. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan terlibat dalam membuat keputusan dasar dan teknikal berhubung sebarang cadangan penubuhan lapangan terbang bagi memastikan ianya menepati dasar-dasar sediada Kementerian di samping mematuhi piawaian-piawaian yang telah ditetapkan oleh CAAM.

Sekian, terima kasih.